



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(KUALA BELALONG FIELD STUDIES CENTRE) STATUTE, 2008

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.
3. Establishment of Centre.
4. Objectives.
5. Advisory Board.
6. Functions of Board.
7. Meetings of Board.
8. Committee for Scientific Research of Centre.
9. Functions of Committee.
10. Meetings of Committee.
11. Director of Centre.
12. Duties of Director.
13. Deputy Director of Centre.
14. Director as Principal officer.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM ACT
(Chapter 157)

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(KUALA BELALONG FIELD STUDIES CENTRE) STATUTE, 2008

In exercise of the power conferred by section 26 of the Constitution of Universiti Brunei Darussalam, the Chancellor of Universiti Brunei Darussalam hereby makes the following Statute –

Citation and commencement.

1. This Statute may be cited as the Universiti Brunei Darussalam (Kuala Belalong Field Studies Centre) Statute, 2008 and shall commence on the day it is made.

Interpretation.

2. In this Statute, unless the context otherwise requires –

“Board” means the Advisory Board of the Centre established by section 5;

“Centre” means the Kuala Belalong Field Studies Centre established by this Statute;

“Committee” means the Committee for Scientific Research of the Centre established by section 8;

“Constitution” means the Constitution of the University.

Establishment of Centre.

3. The Kuala Belalong Field Studies Centre is hereby established as a Centre of the University under section 18 (1) of the Constitution.

Objectives.

4. The objectives of the Centre shall be –

(a) to organise, promote, develop and undertake teaching, research and training in the area of tropical rainforests, with particular emphasis on the lowland rainforest environment of the Batu Apoi Forest Reserve in the district of Temburong;

(b) to provide facilities for field teaching, learning, research and training at the Centre in the area mentioned above at secondary, tertiary, postgraduate and professional levels;

(c) to establish, elucidate and collate on environmental database and local biodiversity data and other relevant material resources on the Batu Apoi Forest Reserve with the object of providing knowledge and so contributing to the better understanding of Brunei Darussalam's terrestrial forest environment and allow for its proper management and conservation;

(d) to develop human resources in the field of tropical rainforest environment through long and short term research and training programmes at the Centre with the object of producing well-trained and skilled manpower who will be able to assist in the management and conservation of the nation's natural living resources;

(e) to establish close association and collaboration with other universities, research institutions, field studies centres and professional bodies in tropical rainforest environment within and outside Brunei Darussalam with the

aim of linking the Centre globally in long-term research programmes in the areas mentioned above;

(f) to publish bulletins, newsletters, journals or other scientific literature, and organise conferences or workshops, with the object of disseminating knowledge, improving environmental awareness and further stimulating interest in conservation and environmental education, research and training;

(g) to perform such other related functions as the Senate may approve.

Advisory Board.

5. There shall be an Advisory Board of the Centre which shall consist of –

- (a) the Vice-Chancellor, as the Chairman;
- (b) the Registrar and Secretary or his representative, as the secretary;
- (c) the Dean of Postgraduate Studies and Research;
- (d) the Director of the Centre;
- (e) the Dean of the Faculty of Science;
- (f) the Dean of the Sultan Hassanah Bolkiah Institute of Education;
- (g) the Dean of the Faculty of Business, Economics & Policy Studies;
- (h) the Dean of the Faculty of Arts & Social Sciences;
- (i) the Bursar or his representative;

- (j)* a representative from each of the following –
 - (i)* the Department of Schools;
 - (ii)* the Forestry Department;
 - (iii)* the Museums Department;

- (k)* such other persons, by name or by office, as may be appointed by the Senate to hold office for such period as the Senate may determine.

Functions of Board.

6. The Board shall be responsible to the Senate and shall –
- (a)* provide overall guidance and stewardship to the Centre;

 - (b)* formulate teaching, research and training policies for the Centre;

 - (c)* advise the Senate and the Council, through the Senate, on matters pertaining to the general direction, institutional policies and requirements of the Centre and any other related matters as may be referred to the Board by the Senate;

 - (d)* consider and decide on matters pertaining to the management and operation of the Centre and to make appropriate recommendations on related matters to the Senate or the Council, through the Senate;

 - (e)* determine and recommend to the Senate the scale of the fees and other charges to be imposed for visits and use of facilities and services provided by the Centre;

 - (f)* submit to the Senate and Council, through the Senate, an annual report on the progress, achievements and activities of the Centre;

(g) exercise such other powers and functions as may be delegated to the Board by the Senate, with the approval of the Council, where required.

Meetings of Board.

7. (1) In the absence or incapacity of the Vice-Chancellor, the Vice-Chancellor may appoint a member of the Board to preside at any meeting of the Board.

(2) The Board shall meet at least once in every semester.

(3) The Chairman of the Board shall determine the date, time, venue, and the agenda of meetings of the Board. The meetings of the Board shall be summoned by the secretary to the Board.

(4) The decisions of the Board shall be a simple majority of the members present and voting, and any decision shall be valid notwithstanding any vacancy among the members.

(5) The Chairman or other person presiding at any meeting shall have an original vote and a casting vote.

(6) The quorum of any meeting shall be one-half of the total membership on the date of that meeting.

(7) The minutes of the meeting shall be forwarded to the Senate.

Committee for Scientific Research of Centre.

8. There shall be a Committee for Scientific Research of the Centre which shall consist of –

(a) the Director of the Centre, as the Chairman;

- (b) the Deputy Director or Deputy Directors of the Centre (if appointed), as the Deputy Chairman;
- (c) an Assistant Registrar, as the secretary;
- (d) the Dean of Postgraduate Studies and Research;
- (e) the Dean of the Faculty of Science;
- (f) the Deputy Registrar (Academic);
- (g) the head of the Biology Department;
- (h) one representative from each of the following areas of expertise –
 - (i) Zoology or Animal Biology;
 - (ii) Botany or Plant Taxonomy;
 - (iii) Aquatic or Invertebrate Biology;
 - (iv) Organic Chemistry and Natural Products;
 - (v) Geography, soil or nutrient cycling;
 - (vi) Comparative Social Policy and Resource Management;
 - (vii) any other academic staff of the University with the relevant expertise as the Committee may decide.

Functions of Committee.

9. The Committee shall be responsible to the Vice-Chancellor and shall –

- (a) consider and approve applications to conduct research at the Centre;

(b) manage and consider applications for funds allocated to the Centre which have been specifically reserved for the research activities of the Centre. Applications for other financial support should be channelled to the Universiti Brunei Darussalam Research and Consultancy Committee;

(c) submit the following on a regular basis, to the Vice-Chancellor, for transmission to the Brunei Darussalam Research Council –

- (i) a copy each of all approved research project proposals to be undertaken at the Centre, giving details, such as title, objectives, methodology, names and *curriculum vitae* of scientists, and designations of principal investigators;
- (ii) a copy each of research report, article, dissertations, thesis or publications.

Meetings of Committee.

10. (1) In the absence of the Chairman at any meeting or part of a meeting, the Deputy Chairman shall preside.

(2) The Committee shall meet whenever applications for research at the Centre are received but not more than twice a semester.

(3) The quorum for any meeting shall be one-half of the total membership on the date of that meeting.

(4) The minutes of the meetings of the Committee shall be forwarded to the Vice-Chancellor.

Director of Centre.

11. There shall be a Director of the Centre who shall be responsible to the Vice-Chancellor and appointed from among the full-time staff of the University appointed under section 19(1) of the Constitution.

Duties of Director.

12. The duties of the Director shall *inter alia* be –

(a) to administer the Centre and ensure the proper management, operation and use of the Centre in accordance with the policies laid down by the Board;

(b) to be responsible for the development and organisation of teaching, research and training programmes falling under the purview of the Centre;

(c) to liaise and establish close association and collaboration with universities, research institutions and professional bodies within and outside Brunei Darussalam with the object of promoting the Centre locally and internationally as a Centre for teaching, research and training in tropical rainforest;

(d) to source and obtain additional funds and sponsorship for the Centre;

(e) to interpret, transmit and ensure compliance of the policies and directions of the Council, Senate and Advisory Board, as the case may be, to the staff of the Centre;

(f) to prepare and submit the annual estimates of revenue and expenditure, periodic and annual reports on the Centre;

(g) to exercise such other powers as may be conferred upon him and carry out such other duties as may be determined by the Vice-Chancellor or the Board.

Deputy Director of Centre.


13. (1) The Vice-Chancellor may, if necessary, appoint one or more than one Deputy Director from among the full-time staff of the University appointed under section 19 of the Constitution.

(2) The Deputy Director or Deputy Directors shall be responsible to the Director and shall assist him in the administration of the Centre and in the carrying out of such duties and responsibilities as may be delegated by the Director.

Director as Principal officer.

14. The Director is accorded the status of a Principal officer of the University.

Made this 14th day of Rabiulawal 1429 Hijriah corresponding to the 22nd day of March 2008.



Chancellor, Universiti Brunei Darussalam.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggali 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PUSAT KAJIAN LUAR KUALA BELALONG), 2008**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Cielaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Pusat.
4. Tujuan-tujuan.
5. Lembaga Penasihat.
6. Tugas-tugas Lembaga.
7. Mesyuarat Lembaga.
8. Jawatankuasa Penyelidikan Sainifik Pusat.
9. Tugas-tugas Jawatankuasa.
10. Mesyuarat Jawatankuasa.
11. Pengarah Pusat
12. Kewajipan-kewajipan Pengarah.
13. Timbalan Pengarah Pusat.
14. Pengarah sebagai pegawai utama.



**AKTA UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(Penggali 157)**

**STATUT UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM
(PUSAT KAJIAN LUAR KUALA BELALONG), 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26 dari Perlembagaan Universiti Brunei Darussalam, maka Canselor Universiti Brunei Darussalam dengan ini membuat Statut yang berikut –

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Statut ini boleh digelar sebagai Statut Universiti Brunei Darussalam (Pusat Kajian Luar Kuala Belalong), 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Statut ini dibuat.

Tafsiran.

2. Dalam Statut ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“Lembaga” bermakna Lembaga Penasihat Pusat yang ditubuhkan oleh bab 5:

“Pusat” bermakna Pusat Kajian Luar Kuala Belalong yang ditubuhkan oleh Statut ini;

“Jawatankuasa” bermakna Jawatankuasa Penyelidikan Saintifik Pusat yang ditubuhkan oleh bab 8;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Universiti.

Penubuhan Pusat.

3. Pusat Kajian Luar Kuala Belalong adalah dengan ini ditubuhkan sebagai sebuah Pusat Universiti di bawah bab 18(1) dari Perlembagaan.

Tujuan-tujuan.

4. Tujuan-tujuan Pusat itu adalah –

(a) untuk menganjurkan, menggalakkan, mengembangkan dan menjalankan pengajaran, penyelidikan dan latihan di kawasan hutan hujan tropika, dengan penekanan khusus ke atas alam sekitar tanah rendah hutan hujan di Hutan Simpan Batu Apoi di dalam daerah Temburong;

(b) untuk menyediakan kemudahan bagi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan latihan luar di Pusat itu di dalam kawasan yang disebutkan di atas pada peringkat menengah, tinggi, lepas ijazah dan profesional;

(c) untuk mengadakan, menjelaskan dan mengumpul semak pangkalan data alam sekitar dan data kepelbagaian bio tempatan dan sumber penting lain yang berkaitan mengenai Hutan Simpan Batu Apoi dengan tujuan untuk memberikan pengetahuan dan dengan yang demikian menyumbang ke arah pemahaman yang lebih baik tentang alam sekitar hutan terestrial Negara Brunei Darussalam dan membolehkannya untuk diurus dan dipulihara dengan sewajarnya;

(d) untuk mengembangkan sumber tenaga manusia dalam bidang alam sekitar hutan hujan tropika melalui program penyelidikan dan latihan jangka masa pendek dan panjang di Pusat itu dengan tujuan untuk menghasilkan tenaga manusia yang cukup terlatih dan mahir yang boleh membantu dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber hidup semula jadi negara;

(e) untuk mengadakan hubungan dan kerjasama rapat dengan universiti, institusi penyelidikan, pusat kajian luar dan badan profesional lain dalam alam sekitar hutan hujan tropika di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk menghubungkan Pusat itu secara global dalam program penyelidikan jangka masa panjang di kawasan-kawasan yang disebutkan di atas;

(f) untuk menerbitkan buletin, surat berita, jurnal atau risalah saintifik lain, dan menganjurkan persidangan atau bengkel, dengan tujuan untuk menyebarkan pengetahuan, meningkatkan kesedaran alam sekitar dan seterusnya membangkitkan minat dalam pemuliharaan dan pendidikan, penyelidikan dan latihan alam sekitar;

(g) untuk melaksanakan tugas-tugas lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Senat.

Lembaga Penasihat.

5. Hendaklah ada Lembaga Penasihat bagi Pusat itu yang terdiri daripada –

- (a) Naib Canselor, sebagai Pengerusi
- (b) Pendaftar dan Setiausaha atau wakilnya, sebagai setiausaha;
- (c) Dekan Pengajian dan Penyelidikan Lepas Ijazah;
- (d) Pengarah Pusat itu;
- (e) Dekan Fakulti Sains;
- (f) Dekan Institut Pendidikan Sultan Hassanul Bolkiah;

- (g) Dekan Fakulti Pengajian Perdagangan, Ekonomi & Dasar;
- (h) Dekan Fakulti Sastera & Sains Sosial;
- (i) Bendahari atau wakilnya;
- (j) seorang wakil daripada setiap Jabatan yang berikut –
 - (i) Jabatan Sekolah-Sekolah;
 - (ii) Jabatan Perhutanan;
 - (iii) Jabatan Muzium-Muzium;
- (k) orang-orang lain, atas nama atau atas jawatan, sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Senat untuk memegang jawatan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Senat.

Tugas-tugas Lembaga.

6. Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Senat dan hendaklah –
- (a) memberi panduan dan mengadakan pengawasan yang menyeluruh kepada Pusat itu;
 - (b) merumuskan dasar-dasar pengajaran, penyelidikan dan latihan bagi Pusat itu;
 - (c) memberi nasihat kepada Senat dan Majlis, melalui Senat, mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan arah tuju am, dasar-dasar institusi dan kehendak-kehendak Pusat itu dan sebarang perkara lain yang berkaitan yang mungkin dirujuk kepada Lembaga oleh Senat;
 - (d) menimbang dan memutuskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian Pusat itu dan membuat saranan yang berse-

suaian mengenai perkara-perkara yang berkaitan kepada Senat atau Majlis, melalui Senat;

(e) menentukan dan menyarankan kepada Senat jadual fee dan bayaran lain yang akan dikenakan bagi lawatan dan penggunaan kemudahan dan perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat itu;

(f) mengemukakan kepada Senat dan Majlis, melalui Senat, suatu laporan tahunan tentang kemajuan, pencapaian, dan aktiviti Pusat itu;

(g) menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas lain sebagaimana yang mungkin diwakilkan kepada Lembaga oleh Senat, dengan kebenaran Majlis, jika dikehendaki.

Mesyuarat Lembaga.

7. (1) Semasa ketiadaan atau ketidakupayaan Naib Canselor, Naib Canselor boleh melantik seseorang ahli Lembaga untuk mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam setiap semester.

(3) Pengerusi Lembaga hendaklah menentukan tarikh, masa, tempat, dan agenda mesyuarat Lembaga. Mesyuarat Lembaga hendaklah dipanggil oleh setiausaha Lembaga.

(4) Keputusan Lembaga adalah dengan lebih suara ahli-ahli yang hadir dan mengundi, dan sebarang keputusan adalah sah walaupun terdapat sebarang kekosongan di kalangan ahli-ahlinya.

(5) Pengerusi atau orang lain yang mempengerusikan mana-mana mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan undi pemutus.

(6) Korum mana-mana mesyuarat adalah separuh dari jumlah keahlian pada tarikh mesyuarat itu.

(7) Minit mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Senat.

Jawatankuasa Penyelidikan Saintifik Pusat.

8. Hendaklah ada Jawatankuasa Penyelidikan Saintifik bagi Pusat itu yang terdiri daripada –

- (a) Pengarah Pusat itu, sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Pengarah atau Timbalan-Timbalan Pengarah Pusat itu (jika dilantik), sebagai Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang Penolong Pendaftar, sebagai setiausaha;
- (d) Dekan Pengajian dan Penyelidikan Lepas Ijazah;
- (e) Dekan Fakulti Sains;
- (f) Timbalan Pendaftar (Akademik);
- (g) ketua Jabatan Biologi;
- (h) seorang wakil daripada setiap bidang kepakaran yang berikut –
 - (i) Zoologi atau Biologi Haiwan;
 - (ii) Botani atau Taksonomi Tumbuhan;
 - (iii) Akuatik atau Biologi Invertebrat;

- (iv) Kimia Organik dan Produk Semula Jadi;
- (v) Geografi, tanah atau kitaran nutrien;
- (vi) Dasar Sosial dan Pengurusan Sumber Perbandingan;
- (vii) mana-mana kakitangan akademik lain Universiti dengan kepakaran yang berkaitan sebagaimana yang mungkin diputuskan oleh Jawatankuasa itu.

Tugas-tugas Jawatankuasa.

9. Jawatankuasa itu hendaklah bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan hendaklah –

(a) menimbangkan dan membenarkan permohonan untuk menjalankan penyelidikan di Pusat itu;

(b) mengurus dan menimbangkan permohonan bagi wang yang diperuntukkan kepada Pusat itu yang telah dikhaskan khusus bagi aktiviti-aktiviti penyelidikan Pusat itu. Permohonan bagi bantuan kewangan lain hendaklah disalurkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Perunding Universiti Brunei Darussalam;

(c) mengemukakan secara tetap kepada Naib Canselor, untuk dihantar kepada Majlis Penyelidikan Negara Brunei Darussalam seperti berikut –

- (i) satu salinan setiap satu bagi semua cadangan projek penyelidikan yang telah dibenarkan yang akan dijalankan di Pusat itu, dengan memberikan butir-butir, seperti tajuk, tujuan, metodologi, nama dan vitae kurikulum ahli sains, dan jawatan penyiasat utama;
- (ii) satu salinan setiap satu laporan penyelidikan, artikel, disertasi, tesis atau terbitan.

Mesyuarat Jawatankuasa.

10. (1) Semasa ketiadaan Pengerusi dalam mana-mana mesyuarat atau sebahagian dari suatu mesyuarat, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan.

(2) Jawatankuasa itu hendaklah bermesyuarat apabila permohonan untuk membuat penyelidikan di Pusat itu diterima tetapi tidak lebih dari dua kali dalam satu semester.

(3) Korum mana-mana mesyuarat adalah separuh dari jumlah keahlian pada tarikh mesyuarat itu.

(4) Minit mesyuarat Jawatankuasa itu hendaklah dikemukakan kepada Naib Canselor.

Pengarah Pusat.

11. Hendaklah ada seorang Pengarah bagi Pusat itu yang akan bertanggungjawab kepada Naib Canselor dan dilantik daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti yang dilantik di bawah bab 19(1) dari Perlembagaan.

Kewajipan-kewajipan Pengarah.

12. Kewajipan-kewajipan Pengarah adalah antara lain –

(a) untuk mentadbir Pusat itu dan memastikan supaya Pusat itu diurus, dikendalikan dan digunakan dengan sewajarnya menurut dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Lembaga;

(b) bertanggungjawab dalam mengembangkan dan menganjurkan program pengajaran, penyelidikan dan latihan yang termasuk di bawah bidang kuasa Pusat itu;

(c) untuk menjalin dan mengadakan hubungan dan kerjasama rapat dengan universiti-universiti, institusi-institusi penyelidikan dan badan-badan profesional di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk mempromosikan Pusat itu di tempat sendiri dan di peringkat antarbangsa sebagai sebuah Pusat pengajaran, penyelidikan dan latihan dalam hutan hujan tropika;

(d) untuk mendapatkan sumber dan memperolehi wang tambahan dan tajaan bagi Pusat itu;

(e) untuk mentafsirkan, menyampaikan dan memastikan supaya dasar dan arahan Majlis, Senat dan Lembaga Penasihat, mengikut mana yang berkenaan, dipatuhi oleh kakitangan Pusat itu;

(f) untuk menyediakan dan mengemukakan anggaran tahunan hasil dan perbelanjaan, laporan berkala dan tahunan mengenai Pusat itu;

(g) untuk menjalankan kuasa-kuasa lain sebagaimana yang mungkin diberikan kepadanya dan melaksanakan kewajipan-kewajipan lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Naib Canselor atau Lembaga.

Timbalan Pengarah Pusat.

13. (1) Naib Canselor boleh, jika perlu, melantik seorang Timbalan Pengarah atau lebih daripada kalangan kakitangan sepenuh masa Universiti yang dilantik di bawah bab 19 dari Perlembagaan.

(2) Timbalan Pengarah atau Timbalan-Timbalan Pengarah hendaklah bertanggungjawab kepada Pengarah dan hendaklah membantunya dalam pentadbiran Pusat itu dan dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab sebagaimana yang mungkin diwakilkan oleh Pengarah.

Pengarah sebagai pegawai utama.

14. Pengarah adalah diberikan taraf seorang pegawai utama Universiti.

Diperbuat pada hari ini 14 haribulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1429
bersamaan dengan 22 haribulan Mac 2008.



Canselor, Universiti Brunei Darussalam.